From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SEMARAK MERDEKA KE-69: WARGA UUM COLGIS HAYATI GAYA HIDUP SIHAT
Date: Wednesday, 2 September, 2026 8:12:28 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

2 SEPTEMBER 2026 / 20 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Mohammad Amzari Bakri
Gambar oleh: Abu Bakar Omar Hamdan

SEMARAK MERDEKA KE-69: WARGA UUM COLGIS HAYATI GAYA HIDUP SIHAT



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (UUM COLGIS) menganjurkan program *COLGIS Merdeka Funwalk 2026* bagi menyemarakkan semangat patriotisme sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-69, semalam.

Hadir sama menyertai aktiviti berjalan kaki menyihatkan itu ialah Penolong Naib Canselor UUM COLGIS, Prof. Dr. Harlida Abdul Wahab.



Dr. Harlida berkata, program riadah yang bertujuan memupuk gaya hidup sihat itu bermula seawal jam 8.30 pagi di Foyer UUM COLGIS, melibatkan penyertaan daripada kalangan staf pelbagai pusat pengajian di bawah kolej berkenaan.

Menurutnya, program ini bukan sahaja bertujuan memupuk kecintaan terhadap negara menerusi tema “Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka”, malah menjadi wadah mengeratkan silaturahim serta menggalakkan amalan hidup sihat dalam kalangan warga akademik dan pengurusan.



Peserta yang memakai pakaian bertemakan “Merdeka” menyertai aktiviti berjalan kaki santai untuk menjaga kesihatan fizikal dan kecergasan.

Laluan program merangkumi hentian dari Bangunan UUM COLGIS, Bangunan Canselori, Bangunan Hal Ehwal Pelajar (HEP) sehingga menyelusi denai Sungai Sintok sebelum kembali ke lokasi permulaan.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.